

Headline	Kediaman beruang panda dibina tahun depan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Jul 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	35	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	122 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,131
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,393



# Kediaman beruang panda dibina tahun depan

**?** Saya gembira apabila China sudi meminjamkan dua beruang panda selama 10 tahun ke negara ini tidak lama lagi. Ini pertama kali Malaysia bakal memiliki haiwan comel itu, sekali gus membolehkan rakyat Malaysia melihatnya lebih dekat apabila panda berkenaan tiba di sini hujung tahun depan. Bagaimanapun, saya ingin mengetahui apakah persediaan dilakukan Malaysia bagi memastikan panda itu hidup selesa di negara ini, sama seperti habitat asalnya.

**Tan Kwai Yee**  
Kuala Lumpur

**!** Kesediaan Kerajaan China meminjamkan beruang panda itu adalah simbolik keakraban hubungan dagangan dan diplomatik dengan Malaysia sejak 1974 dan tercetus apabila Datuk Seri Najib Razak menemui rakan sejawatnya, Wen Jiabao ketika lawatan ke Chendu, Nanning, April lalu.

Sebenarnya, tempat tinggal khas beruang panda itu dijangka dibina tahun depan berdasarkan

nasihat pakar dari China.

Kira-kira 30 pegawai termasuk doktor veterinar akan dihantar menjalani latihan dalam negara dan di China berhubung penjagaan beruang panda. PPj dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) juga sedang dalam proses mengenal pasti pegawai yang akan menjaga serta memantau keperluan haiwan ini.

Perbadanan Putrajaya (PPj) akan menghantar 29 sampel buluh pelbagai jenis yang ditanam di Taman Wetland Putrajaya ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk dikaji kesesuaiannya sebagai makanan untuk panda. Sampel terpilih akan dihantar ke China untuk dikaji selidik sekali lagi sebelum dimuktamadkan sebagai buluh paling sesuai untuk makanannya.

PPj juga memperuntukkan kawasan seluas kira-kira enam hektar di Taman Wetland Putrajaya untuk menanam buluh sebagai sumber makanan haiwan itu.

**Tan Sri Samsudin Osman**  
Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj)